



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 12/09

LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN KE QATAR

1. **QATAR, 30 SEPTEMBER 2025 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin** telah menyempurnakan lawatan kerja rasmi selama dua (2) hari ke Doha, Qatar bermula dari 28 hingga 29 September 2025. Lawatan ini merupakan lawatan rasmi pertama beliau ke negara tersebut sejak dilantik sebagai Menteri Pertahanan.
2. Pada 29 September 2025, YB Menteri Pertahanan telah memulakan lawatan dengan disambut melalui perbarisan Kawalan Kehormat Utama oleh Angkatan Tentera Qatar di Ibu Pejabat Kementerian Pertahanan negara itu, sebelum mengadakan **Mesyuarat Kerjasama Pertahanan Dua Hala bersama rakan sejawatnya, TYT Sheikh Saoud bin Abdulrahman bin Hassan bin Ali Al-Thani, yang juga Timbalan Perdana Menteri** merangkap Menteri Pertahanan Qatar.
3. Dalam mesyuarat berkenaan, YB Menteri Pertahanan menzahirkan **solidariti Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada Qatar susulan serangan Israel ke atas Doha** pada 9 September 2025 yang mengorbankan seorang pegawai keselamatan negara itu. Kedua-dua pemimpin turut bersetuju **memperkukuh kerjasama pertahanan, khususnya dalam bidang ketenteraan, sains, teknologi dan industri pertahanan**.
4. Semasa lawatan ini, YB Menteri Pertahanan dan rakan sejawatnya telah menyempurnakan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Pertahanan yang menjadi instrumen induk kepada kerjasama pertahanan dua hala, sekali gus mewujudkan platform rasmi libat urus di semua peringkat antara Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera kedua-dua negara.
5. Lawatan kerja rasmi ini diakhiri dengan **kunjungan ke Ibu Pejabat Barzan Holdings**, di mana YB Menteri Pertahanan menerima taklimat daripada Ketua Eksekutifnya, Eng Mohammed bin Bader Al Sadah, mengenai pelaburan dan operasi syarikat berkenaan dalam industri pertahanan di peringkat global. Kedua-dua pihak bersetuju untuk **mengenal pasti projek bertaraf nasional yang boleh dibangunkan secara bersama** di samping meneroka peluang kerjasama industri pertahanan antara pemain industri tempatan kedua-dua negara. Dalam rangka lawatan tersebut, YB Menteri Pertahanan turut menyaksikan pemeteraian MoU antara Syarikat Ingress dan Barzan Holdings dalam bidang kenderaan perisai.
6. Turut hadir dalam delegasi Malaysia adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Hj Mohd Nizam bin Hj Jaafar; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Tuan Mohd Yani bin Daud; Ketua Eksekutif Institut Pertahanan Keselamatan Malaysia (MiDAS), Leftenan Jeneral Dato' Seri Haji Muhammad Huzaimi bin Sabri dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Tuan Norazlan bin Mohd Ramli.

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
30 September 2025